

**Malaysia Laksana Program Pemindahan Antarabangsa Banduan Dengan Thailand Bernama
5 Februari, 2013**

KUALA LUMPUR, 5 Feb (Bernama) -- Buat pertama kali, Malaysia akan melaksanakan Program Pemindahan Antarabangsa Banduan dengan Thailand selepas Mac ini, iaitu pertukaran banduan negara asal antara kedua-dua negara.

Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata program itu bertujuan menempatkan banduan negara ini dan banduan asing di penjara di tanah air masing-masing bagi membolehkan mereka berada berdekatan dengan keluarga mereka.

"Kita akan meterai perjanjian dengan Thailand dalam tempoh terdekat ini," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Perjumpaan 1Malaysia penghuni penjara dan keluarga mereka sempena Tahun Baharu Cina di Penjara Kajang, dekat sini, Selasa.

Beliau berkata program itu membolehkan banduan warganegara Malaysia menjalani hukuman penjara di negara ini manakala banduan warga asing boleh menjalani hukuman di negara mereka.

Katanya program itu diluluskan Parlimen pada November 2012 dan akan diwartakan pada Mac 2013.

Beliau berkata seramai 2,622 banduan warga Malaysia sedang menjalani hukuman penjara di negara luar iaitu 1,218 orang di Singapura, Thailand (404 orang), China (231 orang), Taiwan (137 orang), Indonesia (146 orang) dan 486 orang di 54 negara lain.

Sementara warga asing yang berada di penjara negara ini ialah 1,758 orang iaitu warganegara Indonesia (930 orang), Filipina (403 orang), Myanmar (111 orang), Thailand (82 orang), Vietnam (56 orang) dan 176 banduan asing dari 26 negara lain.

Beliau berkata antara syarat pemindahan banduan ialah hukuman pemenjaraan adalah muktamad (telah habis semua rayuan), kesalahan yang disabitkan adalah merupakan kesalahan bagi kedua-dua negara, mempunyai baki hukuman melebihi enam bulan dari tarikh permohonan, pemindahan dibuat ke negara yang mempunyai perjanjian dengan Malaysia, dan banduan parol juga boleh dipindahkan.

Beliau berkata Malaysia juga berhasrat memperluaskan program itu dengan negara lain seperti Korea Selatan, India, Arab Saudi, Turki, Filipina, Iran dan Venezuela.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=926328>